

Maal Hijrah: Najib, Muhyiddin gesa umat Islam mulakan lembaran baru
The Malaysian Insider
26 November , 2011

KUALA LUMPUR, 26 Nov — Datuk Seri Najib Razak berkata umat Islam harus berani melakukan penghijrahan dan transformasi di dalam negara bagi memastikan bangsa tidak ketinggalan.

Perdana Menteri (gambar) berkata penghijrahan dengan melaksanakan agenda transformasi negara menerusi beberapa pelan tindakan yang kukuh, meletakkan Malaysia di landasan tepat dalam pelbagai bidang terutama ekonomi.

“Penhijrahan besar yang kita lakukan apabila memperkenalkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) menjadikan negara terus aktif dan berdaya saing walaupun berdepan dengan krisis ekonomi global yang semakin mencabar,” katanya dalam perutusan Maal Hijrah 1433H yang akan disambut esok.

Dipetik Bernama Online, Najib berkata bagi tahun ini, sejak Januari sehingga September, kadar pertumbuhan purata dicatatkan negara ialah 5.1 peratus manakala kadar pertumbuhan bagi suku ketiga tahun ini ialah sekitar 5.8 peratus.

Katanya agenda penghijrahan ekonomi dan pembangunan negara selama ini telah membuktikan falsafah kesederhanaan dan keseimbangan adalah satu pencapaian hebat dan mesej dakwah Islamiah yang besar di tahap global.

“Sama ada di peringkat Asia mahupun dunia, kita juga konsisten menyarankan pembentukan pergerakan kesederhanaan di peringkat global, hakikatnya kita telah merujuk kepada semangat ajaran al-Quran dan as-Sunah,” katanya.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam perutusannya mengingatkan seluruh umat Islam di negara ini memulakan lembaran baru 1433 Hijrah dengan iltizam yang jitu untuk memperkukuh dan mempertingkatkan ilmu serta keupayaan dalam setiap tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan, agar dapat melaksana transformasi dan pembaharuan dengan cekap dan efektif.

Beliau berkata susulan itu, hasil daripada sesuatu tugas dan pekerjaan yang dilaksanakan akan menjadi lebih baik, berkualiti, produktif di samping menjana manfaat sepenuhnya kepada diri, keluarga dan masyarakat.

“Saya juga percaya dan yakin transformasi konsep hijrah ini sesuai dijadikan model dan panduan dalam masyarakat majmuk di Malaysia ini, khususnya dalam usaha kita bekerjasama bagi memperkasakan kekayaan ekonomi dan memakmurkan kesejahteraan serta menguatkan lagi kesepakatan rakyat di negara yang kita cintakan ini,” katanya.

Muhyiddin berkata hijrah memerlukan pengorbanan yang besar dalam melaksana perubahan bagi mencapai sesuatu yang lebih baik dan cemerlang.

"Oleh itu, di dalam konteks globalisasi hari ini, setiap dari kita dituntut menanam sikap ingin melaksana pembaharuan dan kemajuan dengan semangat dan azam yang tinggi berlandaskan prinsip dan syariat Islam," katanya.

Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan Tahun 1433 Hijrah/2011 Masehi adalah bertemakan "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah".

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/maal-hijrah-najib-muhyiddin-gesa-umat-islam-mulakan-lembaran-baru/>